

12/09/2003

Ramai wanita sedia henti kerja jaga anak

Fadzlena Jafar

KAJIAN yang dijalankan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terhadap 3,000 wanita bekerja di seluruh negara baru-baru ini mendapati 68 peratus daripadanya sedia berhenti kerja bagi memenuhi tanggungjawab sebagai ibu sekiranya menghadapi masalah penjagaan anak berterusan, terutama wanita yang beranak kecil.

Selain itu, beberapa faktor lain seperti waktu bekerja yang terlalu lama dan kesukaran untuk berpindah mengikut suami yang ditukarkan bekerja di tempat lain turut membuatkan ramai wanita mengambil keputusan berkenaan.

Pada masa ini, jumlah wanita di Malaysia yang tidak bekerja ialah kira-kira 54 peratus daripada populasi wanita dewasa dan sekiranya 68 peratus daripada jumlah wanita yang bekerja mengambil keputusan berhenti kerja, negara akan kehilangan 330,500 tenaga kerja wanita.

Masalah itu bukan saja membabitkan wanita bergaji rendah tetapi juga wanita profesional yang sanggup meninggalkan kerjaya yang memberikan pendapatan lumayan kerana lebih mengutamakan keluarga.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata jika keadaan itu berterusan Malaysia akan kehilangan tenaga profesional wanita dalam pelbagai bidang penting seperti perubatan, pendidikan, pengurusan dan korporat.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) sedang mengenal pasti masalah yang dihadapi wanita profesional bagi memastikan mereka tidak mengambil keputusan untuk meninggalkan profesinya.

"Kami mendapati lebih ramai wanita profesional yang bersedia meninggalkan kerjaya masing-masing kerana pelbagai faktor seperti sukar mendapat pembantu untuk menjaga anak yang masih kecil. Ini adalah satu kehilangan kepada negara kerana tenaga mereka amat diperlukan terutama ketika pembangunan negara semakin berkembang maju.

"Oleh itu, kita perlu mencari ruang supaya mereka ini boleh berada di rumah tetapi pada masa yang sama dapat meneruskan pekerjaan atau mungkin mencari penyelesaian lain bagi bidang tertentu seperti perubatan yang mana tidak mungkin bagi seorang doktor atau jururawat bekerja dari rumah mereka," katanya, ketika ditemui pada majlis Bicara Minda bersama wanita profesional anjuran Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Majlis Bicara Minda itu dipengerusikan Shahrizat bersama Yang Dipertua PSWM, Datuk Dr Asiah Abu Samah.

Majlis kali kelima itu bertujuan memberi peluang kepada wanita dalam bidang perubatan menyuarakan pelbagai isu dan permasalahan membabitkan bidang yang diceburi. Sebelum ini Bicara Minda itu pernah diadakan bersama wanita profesional dalam bidang guaman, korporat, pendidikan dan pengurusan kanan wanita.

Minggu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan meminda Akta Pekerjaan 1955 bagi memasukkan peraturan kerja baru dan lebih anjal bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

Pindaan itu termasuk memasukkan peraturan telekerja, kerja separuh masa dan perkongsian kerja bagi membolehkan wanita menggabungkan kerjaya dan tanggungjawab rumah tangga. Malah, katanya, kerajaan juga sedang mengambil pelbagai langkah bagi memastikan peningkatan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

Bagi memberi peluang kepada wanita yang terbabit dalam bidang pekerjaan yang tidak sesuai dengan peraturan baru itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan menggalakkan sektor swasta memperkenalkan kemudahan sokongan perkhidmatan yang diperlukan pekerja wanita bagi menarik golongan itu bekerja. Ini

termasuk penyediaan kemudahan seperti pusat penjagaan kanak-kanak, perumahan dan pengangkutan yang dapat menggalakkan wanita bekerja.

Langkah itu dilihat satu usaha kerajaan dalam memastikan lebih ramai wanita terutama yang berkecayakinan untuk keluar bekerja, sekali gus mengiktiraf pembabitan wanita dalam bidang profesional.

Shahrizat berkata, langkah kerajaan bagi meminda Akta Pekerjaan 1955 itu adalah bertepatan dengan masanya dan secara tidak langsung diharap dapat mengurangkan jumlah wanita profesional yang berhenti kerja.

Bagaimanapun, katanya, satu langkah yang bersesuaian bagi memberi laluan kepada wanita dalam bidang tertentu untuk bekerja di rumah dapat ditetapkan bagi diguna pakai pihak majikan apabila akta berkenaan dilaksanakan kelak.

Sementara itu, beliau berkata, program Bicara Minda yang dijalankan itu adalah satu langkah bagi KPWK mendapat maklum balas mengenai perkara yang diperlukan wanita dalam bidang tertentu.

"Sejak KPWK ditubuhkan kira-kira 30 bulan lalu kita berjaya mewujudkan satu sistem bagi menetapkan dasar atau undang-undang yang tentukan tiada diskriminasi terhadap wanita. Kita juga bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menganjurkan pelbagai program berkaitan dan kementerian sendiri menganjurkan program yang bersesuaian dengan slogan kita `Nur-Bermula Denganmu`."

"Jadi, bagi mengenal pasti ruang yang boleh diperbaiki bagi meningkatkan status wanita di negara ini kita perlu mempunyai satu saluran untuk mendapatkan maklum balas mengenai isu tertentu dan Bicara Minda ini adalah sebahagian daripadanya," katanya.

Beliau berkata, selain pendidikan dan guaman, perubahan adalah antara bidang yang disertai paling ramai wanita. Data Jabatan Buruh yang dikeluarkan pada 2001 menunjukkan seramai 4,644 atau 33.1 peratus wanita tempatan terbabit dalam bidang perubatan berbanding lelaki dengan jumlah 9,399. Daripada jumlah itu, 23 peratus adalah pengarah negeri wanita.

Antara masalah yang dibincangkan pada majlis Bicara Minda itu termasuklah masalah pemberhentian kerja pegawai perubatan wanita kerana menumpukan kepada rumah tangga tetapi ingin kembali bekerja di sektor kerajaan apabila anak sudah membesar. Masalahnya mereka tidak ditawarkan jawatan atau tangga gaji ketika berhenti dulu.

Sehubungan itu, dicadangkan supaya wanita berkenaan dibenarkan kembali bekerja pada jawatan asal bagi mengelakkan mereka pergi ke sektor swasta.

Selain itu, Bicara Minda bersama wanita dalam perubatan itu juga berjaya mengetengahkan beberapa isu seperti kempen barah payu dara bagi wanita lebih muda, kempen barah paru-paru berikutan peningkatan jumlah wanita merokok dan kekurangan jururawat terlatih kerana kerjaya berkenaan dilihat sebagai pilihan terakhir berikutan tangga gaji yang rendah.